

BERITA HARIAN

DATE: 2 / 14 / 2007



MUHAMMAD YUSRI/ARIFIN | BERITA HARIAN

**SEDIH:** Tun Dr Mahathir menandatangani buku ucapan takziah kematian Benazir Bhutto sambil diperhati pemangku Duta Pakistan di Malaysia, Mohammad Jamshaid Iftikhar (kanan) di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, semalam.

## Dr M yakin Pakistan kembali tenang

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap kerajaan Pakistan dapat menenangkan rakyat negara itu selepas tragedi pembunuhan bekas Perdana Menteri dan pemimpin pembangkang Pakistan, Benazir Bhutto 27 Disember lalu.

Katanya, pembunuhan Benazir yang berlaku selepas pemimpin Parti Rakyat Pakistan (PPP) itu mengadakan ucapan awam di Rawalpindi sedikit sebanyak mencecuskan huru-hara di negara itu.

"Benazir seorang yang kita kenal dan baik dengan Malaysia. Kita mempunyai harapan supaya Pakistan kembali tenang dan aman serta dapat dibangunkan.

"Keadaan akan sedikit huru-hara dan ini tidak dapat dielakkan tetapi kita berharap kerajaan Pakistan akan dapat menenangkan keadaan," katanya ketika berkunjung ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Malaysia untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Benazir pada buku ucapan takziah semalam.

Hadir sama, isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia, Mohammad Jamshaid Iftikhar.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau sedia memberikan kerjasama jika dipanggil Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung rakaman video mengandungi imej seorang yang dikatakan peguam sedang berbual menerusi telefon mengenai pelantikan hakim.

"Kalau dipanggil balik (oleh BPR) saya akan pergilah," katanya.